

**Lawatan Najib Pererat Hubungan, Perluas Kerjasama Pelbagai Bidang Malaysia-UAE**  
**Bernama**  
**Mei 16, 2014**

ABU DHABI, 16 Mei (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke ibu negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 17 hingga 19 Mei ini bakal merintis peluang kerjasama baharu dalam hubungan dua hala termasuk dalam sektor pendidikan, pelancongan, perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan negara pengeluar minyak Asia Barat itu.

Duta Besar Malaysia ke UAE Datuk Ahmad Anwar Adnan berkata lawatan Najib, yang diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor, juga akan membuka ruang bagi Malaysia dan UAE untuk saling bertukar pendapat dan pandangan mengenai perkembangan ekonomi dan politik serantau di Timur Tengah dan negara-negara Teluk.

"Kunjungan ini akan merapatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia-UAE yang telah sedia akrab," katanya kepada wartawan Malaysia mengenai lawatan rasmi kedua Perdana Menteri ke ibu negara UAE ini di sini, Jumaat.

Lawatan tiga hari Najib ke sini adalah atas jemputan Putera Mahkota Abu Dhabi Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan yang juga Timbalan Panglima Tertinggi Angkatan Tentera UAE.

UAE adalah satu daripada rakan dagang utama Malaysia di Timur Tengah. Tahun lepas, jumlah dagangan antara kedua-dua negara mencatatkan RM27.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 11.7 peratus berbanding RM24.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Najib yang juga Menteri Kewangan dijangka tiba di Abu Dhabi esok dan akan diberikan sambutan rasmi di Mushrif Palace (Istana Presiden) pada pagi Ahad sebelum menyertai pertemuan empat mata dengan Sheikh Mohammed.

"Sambutan rasmi yang diberikan kepada Perdana Menteri merupakan satu penghormatan kerana Mushrif Palace hanya dibuka kepada pemimpin-pemimpin tertentu dunia sahaja," kata Ahmad Anwar.

Beliau berkata turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh serta beberapa pegawai kanan kerajaan.

Semasa lawatan di sini, Najib turut dijadualkan mengada pertemuan dengan Naib Presiden dan Perdana Menteri UAE Sheikh Mohammed Rashid Al-Maktoum, yang juga Pemerintah Dubai.

Ahmad Anwar berkata kemuncak lawatan Perdana Menteri ialah majlis menandatangani memorandum persefahaman antara 1Malaysia Development Bhd dan Awqaf, iaitu pihak berkuasa Abu Dhabi dalam Hal Ehwal Islam.

Beliau berkata perjanjian itu dijangka merangkumi pembinaan masjid, pusat sumber Islam dan aktiviti Permata, penjagaan kanak-kanak serta pendidikan dana awal yang diilhamkan oleh Rosmah.

Najib dan Sheikh Mohammed juga akan menyaksikan permeterian kerjasama antara Malaysia dan rakan-rakan Abu Dhabi dalam aktiviti pendidikan dan pelancongan.

Selain itu, Perdana Menteri turut dijadualkan menyaksi majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Felda dan Lulu International Group yang berpangkalan di Abu Dhabi.

Ahmad Anwar berkata perjanjian itu adalah berhubung penubuhan pasar raya besar Lulu di Malaysia.

Sementara itu, Rosmah mempunyai jadual lawatan berasingan di sini termasuk melawat Pusat Autisme Abu Dhabi serta melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Kesatuan Wanita Abu Dhabi, Sheikha Fatima Mubarak di Sea Palace.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038930>